



PERBADANAN LABUAN

UCAPAN

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN LABUAN**

**PROGRAM HARI INOVASI
PERBADANAN LABUAN**

**5 DISEMBER 2016 (ISNIN)
11.00 PAGI**

**BILIK PERDANA, TINGKAT 11
MENARA PERBADANAN LABUAN**

POINTERS

- **PENDAHULUAN**
- **UCAPAN TERIMA KASIH**
- **MEMBUDAYAKAN KREATIVITI
DAN INOVASI**
- **Q TEAM PERBADANAN LABUAN**
- **PENUTUP**

BISMILLAH HIRRAHMAN

NIRRAHIM...

Terima kasih Pengacara Majlis.

YBrs. Timbalan-Timbalan
Ketua Pegawai Eksekutif

Pengarah-Pengarah Jabatan

Ketua-Ketua Unit

Para Pegawai Pengurusan &
Profesional

Kakitangan Sokongan

Tuan-Tuan dan Puan-Puan
yang dihormati sekalian

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh, Salam

Sejahtera dan Salam

1Malaysia

PENDAHULUAN :

1. Pertama sekali, saya memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T, kerana dengan keizinan-NYA, dapat kita sama-sama berhimpun pada pagi ini, dalam **PROGRAM HARI INOVASI**

PERBADANAN LABUAN TAHUN 2016

UCAPAN TERIMA KASIH :

2. Sebelum itu, saya ingin merakaman ucapan terima kasih kepada penceramah jemputan yang sudi untuk meluangkan masa, berkongsi ilmu pengetahuan mengenai Inovasi dan Kreativiti bersama warga Perbadanan Labuan.

3. Saya berharap, semoga dengan ilmu yang telah dikongsikan, dapat memberi manfaat dan kebaikan kepada kita semua.

MEMBUDAYAKAN INOVASI DAN KREATIVITI

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Sepertimana yang kita sedia maklum, Program Hari Inovasi Perbadanan Labuan adalah

program tahunan yang dirancang dan dilaksanakan setiap penghujung tahun bermatlamat untuk memberi kesedaran dan menanamkan semangat inovasi dan kreativiti dalam setiap warga Perbadanan Labuan.

5. Di samping itu, program ini juga bertujuan untuk memberi penghargaan atas usaha-usaha inovasi dan kreativiti yang dicetuskan oleh pegawai

dan kakitangan Perbadanan Labuan.

6. Usaha-usaha ke arah membudayakan inovasi ini perlu disokong dan dihargai, kerana di samping kesibukan menjalankan tugas seharian, para pegawai dan kakitangan masih boleh meluangkan sedikit masa, mengeluarkan perbelanjaan dan tenaga untuk menghasilkan dan menyetengahkan hasil serta idea inovasi dan kreativiti demi

memenuhi tuntutan dasar serta memastikan perkhidmatan yang diberikan lebih efisien, menjimatkan kos serta sampai terus kepada golongan sasaran.

7. Itulah sebenarnya, intipati yang terkandung dalam dasar inovasi dan kreativiti, yang bermatlamat agar fungsi-fungsi jabatan dapat dilaksanakan secara lebih efisien, menjimatkan masa dan kos, serta terus sampai kepada golongan sasaran lantas

meningkatkan kepuasan pelanggan.

8. Namun begitu, perkara ini bukanlah suatu perkara yang sifatnya berkala. Berinovasi dan berkreativiti adalah satu amalan yang perlu dilaksanakan setiap hari, tanpa perlu disuruh atau menunggu arahan. Begitulah budaya pekerja-pekerja dari negara-negara maju, yang sentiasa mengamalkan inovasi dan

kreativiti dalam gerak kerja seharian.

9. Oleh yang demikian, pada kesempatan ini, saya menyeru kepada semua lapisan kakitangan Perbadanan Labuan, untuk menjadikan inovasi dan kreativiti sebagai amalan dan gerak kerja seharian. Antara tindakan yang boleh kita laksanakan:

- a. Sentiasa memastikan suasana dan ruang kerja selesa dan mesra pelanggan
- b. Mencari penyelesaian yang efektif kepada permasalahan yang berulang agar ianya dapat dikurangkan dan diselesaikan dengan berkesan
- c. Sentiasa mengadakan perbincangan walaupun secara tidak formal, untuk mencari idea-idea

inovasi dan kreativiti dengan tujuan melancarkan gerak kerja dan fungsi jabatan.

d. Memulakan

perancangan untuk menyertai pertandingan-pertandingan inovasi dan kreativiti yang diadakan di peringkat negeri mahupun kebangsaan seperti pertandingan anjuran *National Productivity Corporation*, KIK Zon

Sabah, KIK Peringkat Wilayah Persekutuan serta pertandingan dalam talian yang berkaitan dengan Inovasi dan kreativiti di awal tahun.

e. Memperuntukkan sejumlah peruntukan dan perbelanjaan daripada peruntukan mengurus jabatan untuk tujuan inovasi dan kreativiti.

f. Memberi sokongan terhadap semua usaha yang dilakukan, di peringkat organisasi secara keseluruhan atau di peringkat jabatan dalam amalan inovasi dan kreativiti seperti persijilan EKSA (Ekosistem Kondusif Sektor Awam), pertandingan Kumpulan Inovasi dan Kreativiti (KIK) dan pelbagai lagi.

g. Mengamalkan sikap
membetulkan yang
biasa dan membiasakan
yang betul.

RUANG LINGKUP Q DAN Q

TEAM PERBADANAN

LABUAN

Tuan-tuan dan puan-puan
yang dihormati sekalian,

10. Kita perlu bersikap terbuka
dalam hal berkaitan dengan
inovasi dan kreativiti. Inovasi

dan kreativiti bukanlah sesuatu yang hanya berkaitan dengan hal ehwal teknikal semata-mata. Namun ianya mencakupi bidang yang amat luas, termasuklah bidang pengurusan, pengurusan dokumen dan fail, kebudayaan, persekitaran bekerja, kebajikan pekerja, malah keselamatan mengendalikan kenderaan dan peralatan pejabat.

11. Oleh itu, usah kita sempitkan ruang pemikiran kita, dengan

menjuruskan inovasi dan kreativiti ini hanya layak untuk dilaksanakan oleh jabatan-jabatan tertentu sahaja. Jika ini berlaku, usaha kita untuk memastikan inovasi dan kreativiti ini dibudayakan di semua peringkat akan terjejas.

12. Saya difahamkan, Perbadanan Labuan telah menubuhkan satu pasukan Kualiti yang dilantik di kalangan pegawai dan kakitangan setiap jabatan. Kumpulan ini bertujuan untuk

membantu menyampaikan dan menyelaraskan semua perkara yang berkaitan dengan inovasi dan kreativiti dari pihak urusetia iaitu Unit Kualiti Jabatan Khidmat Pengurusan.

13. Oleh yang demikian, secara peribadi, saya benar-benar berharap agar pasukan ini dapat menjadi tulang belakang dan membantu, kepada pelaksanaan dasar-dasar inovasi dan kreativiti di Perbadanan Labuan. Namun,

semua ini tidak akan berjaya tanpa sokongan dan bantuan dari pihak pengurusan tertinggi, pengarah-pengarah jabatan, ketua-ketua unit, serta seluruh warga PL.

14. Dan pada hari ini juga, kita akan menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang untuk beberapa pertandingan yang telah diadakan sempena Program Hari Inovasi Perbadanan Labuan 2016 iaitu:

- a. Pertandingan Ruang
Mesra Pelanggan
- b. Pertandingan ZON
EKSA
- c. Pertandingan Idea
Inovasi/Produk KIK
Jabatan
- d. Pertandingan Mencipta
Kotak Cadangan Idea
Inovasi

15. Secara peribadi, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada jabatan dan kakitangan yang memberi

sokongan dan menyertai pertandingan-pertandingan yang telahpun dijalankan. Tahniah saya ucapkan kepada yang bakal menang. Dan kepada yang tidak berjaya, teruskan usaha dan terus kita jadikan inovasi dan kreativiti sebagai satu amalan dalam kerja seharian.

PENUTUP :

Tuan-tuan dan puan-puan
yang dihormati sekalian,

16. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada En. Razak bin Mohamad dari Jabatan Khidmat Pengurusan kerana telah dipilih untuk menerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah

disampaikan pada 29 November yang lalu, sempena sambutan Hari inovasi Peringkat Kemnterian Wilayah Persekutuan dan Agensi.

17. Saya juga difahamkan, untuk Hari inovasi peringkat KWP tahun 2015, ruang pameran PL telah mendapat naib johan pertandingan ruang pameran untuk sambutan tersebut. Tahniah saya ucapkan.

18. Saya tidak berhajat untuk bercakap panjang. Sebelum saya mengundurkan diri, saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan untuk menyeru semua pegawai dan kakitangan untuk sentiasa mengamalkan inovasi dan kreativiti dalam gerak kerja seharian. Usah dijadikan program seperti ini sebagai program tahunan yang berkala. Ianya perlu diteruskan setiap masa, agar hasrat YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara

untuk **MERAKYATKAN**
PERKHIDMATAN AWAM
dapat kita realisasikan
bersama.

19. Akhir sekali, sama-sama kita renungi mutiara kata ini, **kecemerlangan ialah apabila individu yang biasa, mengamalkan kerja yang bukan biasa, menghasilkan keputusan yang luar biasa.**

Sekian, Wabillahitaufik
Walhidayah
Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

**YBHG EN AZHAR BIN
AHMAD**

Labuan, 5 Disember 2016